

Tolong tanpa sentimen

PM arah
agensi Pusat
tingkat
komitmen
bantu mangsa
banjir

Oleh Junita Mat Rasid dan Nahar Tajri
edisimingguan@bharian.com.my

JITRA: Datuk Seri Najib Razak semalam mengarahkan semua agensi Kerajaan Persekutuan yang menjalankan operasi membantu mangsa banjir di Kedah dan Perlis supaya meningkatkan komitmen tanpa mengira latar belakang dan fahaman politik.

Lihat muka **8** →

● Lagi berita banjir di muka 6, 7, 8, 9



Ringan beban

KAKITANGAN SYABAS dibantu Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD dan Rejimen Pakar Pengendali Kereta Api Ke-50 RAJD memindahkan 10,000 botol air minuman dan 50 tangki statik air bersih di Stesen Kereta Api Alor Setar untuk mangsa banjir, semalam.

Laporan di muka 7 →

Sultan Kedah dukacita kesukaran mangsa banjir

Semua pihak diminta hulur bantuan, buang fahaman politik

Banjir

ALOR SETAR: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah semalam melahirkan rasa dukacita dan kesedihan baginda dengan kesukaran yang dialami rakyat negeri ini berikutan dilanda bencana banjir terburuk, sejak Ahad lalu.

Sehubungan itu, baginda menitahkan semua pihak tanpa mengira fahaman politik menghulurkan bantuan yang diperlukan bagi meringankan beban mangsa banjir yang bukan saja kerugian harta benda, malah ada kehilangan orang yang tersayang.

"Beta amat dukacita dan sedih dengan kejadian banjir besar yang melanda Kedah negeri yang tercinta ini sejak seminggu lalu dan beta percaya pasti ada hikmah di sebalik semua kejadian ini.

"Marilah kita sama-sama menghulurkan bantuan membantu meringankan beban mangsa banjir ini tanpa mengira fahaman politik dan sama-samalah kita bersyukur di atas nikmat Allah.

"Malah apa yang lebih penting ialah kita sama-sama ambil iktibar dan merenung serta memikirkan hikmah di sebalik kejadian ini," titah baginda.

Baginda bertitah demikian selepas majlis taklimat khas mengenai mangsa banjir di Wisma Darul Aman, semalam.

Terdahulu, baginda dengan diiringi Sultanah Kedah, Sultanah Haminah Hamidun, berkenan mencemar duli melawat mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Stadium Sultan Abdul Halim di Suka Menanti, di sini.

Baginda meluangkan masa hampir sejam bertanya khabar kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan itu.

Turut berangkat mengiringi baginda berdua, puteri bongsu yang juga Pengerusi Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB), Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz. Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.



TUANIKU Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Sultanah Haminah diiringi Ahmad Bashah (kiri) berkenan mendengar luahan mangsa banjir ketika melawat mangsa banjir di Stadium Sultan Abdul Halim Alor Setar, semalam.



PENDUDUK Kampung Pulau Timbul, Jitra yang terperangkap dalam banjir diangkut menggunakan traktor.

Pada majlis itu juga baginda turut mengumumkan sumbangan sebanyak RM500,000 daripada dana zakat negeri serta berkenan mengurniakan sumbangan peribadi berjumlah RM100,000 kepada kerajaan

FAKTA NOMBOR

RM500,000
sumbangan

Zakat negeri untuk mangsa banjir

negeri untuk membantu mangsa banjir.

Selain itu, YSB turut menerima sumbangan sebanyak RM200,000 daripada individu tidak mahu dikenali bagi membantu mangsa banjir di Kedah.



SEORANG mangsa banjir menggunakan tong mengharungi banjir di Jalan Telok Wanjah, Alor Setar, semalam.



PUTERI Sultan Kedah, Datuk Seri Tuanku Puteri Intan Safinaz (kanan) berkenan menyenduk makanan tengah hari kepada mangsa banjir ketika melawat pusat penempatan sementara banjir di Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar, semalam.

'PAS Kedah tidak patut pilih bulu hulu bantuan'

JITRA: Lebih 200 penduduk di Kampung Pulau Timbul, di sini yang terperangkap dalam banjir terburuk di Kedah sejak seminggu, lalu mahu kerajaan negeri lebih cekap dan bertanggungjawab dalam menyampaikan bantuan kepada rakyat tanpa mengambil kira fahaman politik mereka.

Kebanyakan penduduk di sini berpendapat kerajaan negeri bersikap pilih bulu dan meringkikan rakyat ketika menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir yang berlarutan sejak Ahad lalu.

Tinjauan *Berita Minggu* di sini, semalam mendapati kira-kira 80 keluarga di kampung berkenaan terputus hubungan dan menghadapi kesukaran berikutan laluan keluar ditenggelami banjir melebihi paras tiga meter.

Penduduk mendakwa sehingga kini tiada seorangpun wakil kerajaan negeri hadir ke kampung mereka untuk

bertanya khabar dan mendingar masalah mereka.

Seorang penduduk, Saad Talib, 49, berkata kampung itu pernah didatangi beberapa petugas yang membawa bekalan makanan, namun tidak mencukupi.

"Soal bekalan tidak menjadi masalah besar kerana kami turut mendapat bantuan agensi Kerajaan Pusat. Namun saya kesal kerana kita seolah-olah dipinggirkan berbanding sebuah lagi kampung yang lebih diberi perhatian.

"Kami rasa dipinggirkan apabila mereka boleh langkau kampung ini untuk ke kampung sebelah membawa bekalan dan bantuan. Mereka (kerajaan negeri) juga lebih kerap ke sana tetapi tidak pernah bertemu kami," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk, Aisyah Hassan, 59, berkata, dia bersyukur kerana agensi Kerajaan Pusat masih me-

ngambil berat nasib mereka yang terperangkap banjir ketika ini.

"Saya hairan mereka lebih suka ke kampung sebelah. Saya tidak faham mengapa mereka buat begitu sedangkan kita juga rakyat Kedah. Mereka seolah-olah memilih bulu dan terlalu berpolitik menyalakan tanggungjawab kepada rakyat. Ini soal bencana, tidak perlu dicampur aduk dengan politik," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kubang Pasu yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Johari Baharum berkata, tindakan petugas kerajaan negeri itu tidak matang dan memberi kesan buruk kepada rakyat.

"Mereka (kerajaan negeri) tidak boleh serkap jarang dan menjadikan rakyat sebagai mangsa. Dalam soal rakyat lebih-lebih lagi ketika bencana, politik bukan persoalan lagi," katanya.

SYABAS hantar 10,000 botol air minuman

ALOR SETAR: Mangsa banjir di negeri ini mampu menarik nafas lega selepas Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menghantar 10,000 botol air minuman bersaiz lima liter bersama 50 tangki statik untuk kegunaan di Kedah dan Perlis, semalam.

Misi bantuan kemanusiaan itu diketuai Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (AW) dan Rejimen Pakar Pengendalian Keretapi Ke-50 RAJD (AW) bersama 75 anggota menggunakan kereta api dengan membabitkan 10 gerabak tiba dari Kuala Lumpur jam 5 petang, semalam.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata bekalan itu diagihkan kepada kira-kira 100 pusat pemindahan banjir di negeri ini dan lebih 30 pusat sama di Perlis, kawasan kediaman yang menghadapi gangguan bekalan air, Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Alor Setar dan balai polis.

"Kita berharap bekalan ini dapat mengurangkan masalah kekurangan bekalan air minuman di lokasi terbabit. Kita difahamkan, ketika ini ada masalah membabitkan bekalan air dari pihak Syarikat Air Darul Aman dan operasi membekalkan air menggunakan lori tangki juga perlahan," katanya.

Tabung Bencana NSTP-Media Prima dilancar

BATU KAWAN: Prihatin dengan nasib mangsa banjir di Kedah, Perlis dan Kelantan, Media Prima Berhad (Media Prima) dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) melancarkan Tabung Bencana NSTP-Media Prima di Karnival Jom Heboh TV3 di Stadium Batu Kawan, di sini semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaaffar yang turut mengumumkan syarikat berkenaan akan menggerakkan sukarelawan membantu proses menyalurkan bantuan dan berharap badan awam serta syarikat korporat berganding bahu membantu mangsa bencana melalui tabung itu.

Johan berkata, antara bantuan diperlukan adalah keperluan asas seperti makanan dan minuman, alat kebersihan, selimut, makanan bayi / susu formula dan lampin, manakala sumbangan kewangan boleh disalurkan ke akaun Maybank, 5141-0532-0757 atas nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima.



PENGERUSI Media Prima Berhad, Datuk Johan Jaaffar menghulurkan sumbangan kepada mangsa banjir sebagai tanda pelancaran Tabung Bencana NSTP-Media Prima di Karnival Jom Heboh di Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang semalam.

Bekalan keperluan tidak cukup

Rayuan untuk dapatkan tuala wanita, lampin pakai buang, susu tepung bayi

Sukarelawan berkhidmat siang, malam

KANGAR: Lebih 100 sukarelawan dan petugas Bilik Gerakan Banjir Perlis di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini bertugas 24 jam sehari sejak seminggu lalu, bagi memastikan kebajikan kira-kira 15,000 mangsa di negeri ini tidak diabaikan.

Semua sukarelawan itu ditugaskan melalui tiga syif untuk memastikan kelancaran operasi terutama dalam pengagihan bekalan bantuan mangsa banjir.

Selain sukarelawan individu membabitkan ahli UMNO, petugas Bilik Gerakan Banjir Perlis itu turut diperkuatkan dengan pelbagai pihak lain termasuk kakitangan agensi serta jabatan yang bernaung di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Antaranya termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu, ketika ditemui memuji kegigihan pasukan sukarelawan berkenaan yang bertungkus-lumus membantu urusan penerimaan dan pengagihan bantuan kepada mangsa banjir.

dihuni purata 3,000 mangsa mengambil masa. Selain itu, keperluan susu tepung bayi dan lampin pakai buang juga ketika ini tidak cukup dan kita berharap bantuan seumpama ini dapat disalurkan secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata, selain itu, bekalan selimut dan bantal juga dikatakan tidak mencukupi dan pihaknya mengalu-alukan sumbangan mana-mana pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 100 pusat penempatan banjir seluruh negeri.

"Ketika ini emosi dan moral mangsa sangat terganggu dan memerlukan semangat dan sokongan untuk meneruskan kehidupan ketika ini dan selepas banjir pulih.

"Justeru, sekiranya ada agensi dan NGO yang prihatin dialu-alukan menyalurkan bahan bacaan ringan dan ilmiah kepada mangsa banjir dan kanak-kanak yang dilihat dapat mengurangkan ketegangan emosi yang dihadapi mereka," katanya.



ORANG ramai mengambil kesempatan menjala ikan ketika banjir di Sungai Perlis dekat Kangar, semalam.

kan di 100 pusat penempatan adalah wanita yang memerlukan bekalan tuala wanita.

"Barangan seperti beras, tepung, bihun, susu pekat

dan air mineral mencukupi tetapi makanan yang boleh dimakan terus masih belum cukup. Kita kasihan kanak-kanak yang terpaksa me-

nunggu lama sebelum boleh menikmati makanan berat.

"Tambahan pula tempoh menyiapkan hidangan di setiap pusat pemindahan yang

'Soal politik harus diketepikan'

DARI MUKA 1

Perdana Menteri berkata, beliau faham betapa seriusnya keadaan banjir di kedua-negeri itu dan akan melakukan apa saja yang termampu untuk membantu mangsa banjir.

"Kita akan menjalankan tanggungjawab ini dengan penuh amanah atas sifat kita sebagai kerajaan yang memerintah negara.

"Saya berharap rakyat bersabar dengan ujian ini dan kerajaan akan melakukan apa saja untuk memastikan nasib mereka terbelak tanpa mengira latar belakang. Dalam hal ini soal politik harus diketepikan," katanya ketika dihubungi Setiausaha Politikanya, Datuk Shahlan Ismail yang melawat mangsa banjir di Kampung Pulau Timbul di sini, semalam.

Terdahulu Shahlan menghubungi Perdana Menteri untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai keadaan banjir di Kedah dan Perlis.

Shahlan berkata, Perdana Menteri, yang sedang menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur, mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang sentiasa mendoakan kesejahteraan kesihatannya.

"Perdana Menteri mahu supaya tumpuan tidak hanya diberikan kepada rakyat ketika mereka menghadapi banjir tetapi juga selepas bencana bagi memastikan



SHAHLAN (dua dari kiri) bersama mangsa banjir meninjau kawasan yang dinaiki air di Kampung Pulau Timbul, Jitra, semalam.

mereka mendapat perhatian sewajarnya," katanya.

Selain agensi kerajaan, pihaknya turut mengambil inisiatif menyediakan 10,000 dapur masak untuk disampaikan kepada mangsa selepas banjir surut.

"Berdasarkan pengalaman sebelum ini, kita dapati antara keperluan kritikal bagi rakyat selepas menghadapi banjir adalah dapur masak.

"Buat masa ini kita sudah meminta pelbagai syarikat korporat termasuk badan bukan kerajaan (NGO) antaranya, PROTON, Bank Muamalat, Bank Rakyat, Kelab Setiausaha Menteri dan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Is-

teri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) menghulurkan sumbangan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Kerajaan PAS Kedah tidak boleh terlepas daripada menunaikan tanggungjawab menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di kawasan itu dan tidak hanya menyerahkan tugas berkenaan kepada Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, bidang kuasa kerajaan negeri termasuk berkaitan bekalan air bersih diperlukan dalam usaha melancarkan lagi operasi menyelamatkan dan mengagihkan bantuan kepada mangsa bencana berkenaan.

Sampah jejas aliran air

ALOR SETAR: Kontraktor utama Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar, MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd (MMC-Gamuda JV) menafikan banjir buruk yang melanda Kedah berpunca daripada projek itu.

Timbalan Ketua Pengarah MCC-Gamuda JV, Abd Razak Othman, berkata sampah dibawa banjir menyebabkan lorong air yang dibina di sepanjang laluan landasan berkembar elektrik itu tersumbat hingga menjejaskan pengaliran air.

"Kita membina lebih 10 lorong air di kawasan projek, namun lima daripadanya tersumbat oleh sampah dibawa banjir. Kita dapati sekurang-kurangnya lima lorong tersumbat dan menyebabkan laluan air tersekat," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas dakwaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak yang menyalahkan PLBE sebagai punca utama banjir buruk di Kedah.

gabem
GAGASAN BADAN EKONOMI MELAYU

PUSAT SEHENTI GABEM

YPU

USAHAWAN / BAKAL USAHAWAN BUMIPUTERA, PERSATUAN SERTA BADAN EKONOMI BUMIPUTERA dijemput untuk menghadiri sesi bertemu dengan Kementerian/agensi kerajaan terpilih bertempat di Pusat Sehenti Gabem (PSG) – khusus bagi menyalurkan permasalahan anda berkaitan dengan keusahawanan, maklumat mengenai peluang latihan, pembiayaan dan projek-projek boleh disertai oleh anda.

Datanglah beramai-ramai ke Pusat Sehenti Gabem (PSG) pada:
Tarikh : 09 November 2010 (Selasa)
Waktu : 10.00 pagi – 4.00 petang,
Tempat : Ruang Legar Dewan Konvensyen Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU), Pusat Dagangan Terengganu (TTC), Padang Hiliran, Kuala Terengganu

Kementerian dan Agensi Kerajaan yang mengikuti program ini.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Sekretariat Pusat Sehenti Gabem (PSG)
Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)
Suite 28-1, Wisma UOA 2, 21 Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-21616060
No. Faks : 03-21610606
Emel : enquiry@gabem.my
atau layari laman web kami untuk mendapatkan jadual dan format borang aduan:
www.gabem.my

Keadaan banjir di Utara kian pulih

ALOR SETAR: Keadaan banjir di Kedah dan Perlis bertambah baik, semalam apabila jumlah penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara berkurangan, iaitu hanya 33,563 orang di negeri ini dan Perlis seramai 9,595 orang.

Di Kedah, sehingga jam 6 petang semalam hanya daerah Kota Setar mencatat peningkatan mangsa banjir yang dipindahkan, iaitu 19,591 orang membabitkan 5,027 keluarga, berbanding 16,498 orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah) yang dihubungi berkata, keadaan banjir di daerah Padang Terap pulih sepenuhnya apabila semua 657 mangsa di 10 pusat pemindahan dibenarkan pulang semalam selepas rumah mereka selamat didiami.

Berikutan itu, semua pusat pemindahan di daerah itu ditutup.

Jurucakap itu berkata, jumlah mangsa banjir di daerah Kubang Pasu pula semakin berkurangan iaitu 12,242 orang membabitkan 3,296 keluarga masih berada di pusat pemindahan, manakala di Pokok Sena seramai 1,480 orang daripada 250 keluarga dan di Pendang pula membabitkan 249 orang daripada 62 keluarga.

Beliau berkata, sehingga kini; 87 pusat penempatan banjir dibuka di negeri ini yang mana 43 daripadanya di Kota Setar, Kubang Pasu (38), Pokok Sena (5) dan satu di Pendang.

Sementara itu, pihak berkuasa menutup 21 jalan yang masih dinaiki air akibat banjir di beberapa lokasi di sekitar daerah Kota Setar, termasuk Jalan Sultan Badlishah, Jalan Teluk Wanjah, Jalan Sultanah, Jalan Alor Setar-Kangar, Jalan Alor Janggus-Kangar, Jalan Alor Janggus-Gunung Keriang dan Jalan Gunung Keriang-Sungai Korok, selain Jalan Jitra-Sungai Korok di Kubang Pasu.

Sementara itu di Perlis, sehingga petang semalam, seramai 9,595 mangsa daripada 1,316 keluarga dilapor masih ditempatkan di 38 pusat pemindahan yang beroperasi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Perlis, berkata semua pusat pemindahan di Padang Besar serta empat daripada lapan yang dibuka di sekitar Arau ditutup.



PASANGAN pengantin baru, Noor Asrolizham Zakaria membawa isterinya Zuhainy Zulkifli dengan kereta sorong meredah banjir pada majlis perkahwinan mereka semalam di Langgar, Alor Setar, ketika Kedah dilanda banjir besar.

ATM gerak anggota bantu mangsa banjir

Pihak swasta mula sumbangkan bantuan, makanan



BAGAN DATOH: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah menggerakkan anggotanya bagi membantu mangsa banjir di utara tanah air, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“Peringkat awal seramai 200 anggota tentera sudah menyertai pergerakan itu yang turut membabitkan Kor Jurutera bagi membaik pulih kemudahan awam yang terjejas,” katanya selepas merasmikan Koperasi Wanita Waja Bagan Datoh, di sini semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh, berkata pasukan itu akan bekerjasama dengan polis menjalankan tanggungjawab sosial membantu mangsa banjir dan pada masa sama ATM membentuk satu lagi pasukan khas sebagai persiapan awal sekiranya banjir

di Pahang dan Johor.

Di **PENDANG**, Pengurus Besar Kanan Sektor Perniagaan Beras Tempatan Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), Abdul Rahman Mohd Nasri, berkata syarikat itu memperuntukkan RM500,000 bagi membekalkan barangan keperluan asas seperti beras, gula, air mineral dan roti kepada mangsa banjir di Kedah dan Perlis.

Katanya, program bantuan awal dengan usaha sama Gula Padang Terap Sdn Bhd itu membabitkan 20,000 paket gula seberat 1 kilogram (kg), 20,000 kampil beras 10 kg, 12,000 bungkus roti serta air mineral untuk dihantar ke 100 pusat pemindahan banjir di Kedah dan 30 di Perlis.

“Seramai 60 kakitangan BERNAS secara sukarela akan turun padang membantu mangsa banjir, termasuk membersihkan rumah mereka dan mengagihkan makanan kepada mangsa terperangkap dalam rumah. Jika banjir berterusan, kami akan menambah peruntukan,” katanya ketika dite-

mui di Kilang BERNAS Bukit Raya, di sini semalam.

Di **JERLUN**, Pengarah Urusan Nasmir Holdings Sdn Bhd, Kadhar Shah Abdul Razak, berkata syarikat rangan restoran itu membekalkan 20,000 hamper berisi beras, roti dan air mineral untuk diagihkan kepada mangsa banjir di daerah Jerlun dan Kubang Pasu.

Sementara itu di **KUALA LUMPUR**, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kementerianya akan bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membekalkan air kepada hospital dilanda banjir dalam memastikan rawatan terbaik dan memuaskan kepada pesakit.

“Kerajaan memberi keutamaan untuk menjaga pesakit di hospital yang terjejas. Orang ramai jangan bimbang kerana kita sudah mengambil langkah terperinci,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Ekonomi Global Keempat Mengenai Bio Herba, semalam.

Perak turut hulur bekalan air minuman

IPOH: Kerajaan negeri menerusi Lembaga Air Perak (LAP) menghantar bantuan sembilan lori tangki air bersih dan dua lori air mineral ke Kedah selain sebuah lori memuatkan air mineral ke Perlis kelmarin sebagai usaha membantunya mangsa banjir di kedua-dua negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata bantuan ke Kedah diberikan selepas

menerima permintaan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak yang menghubunginya secara peribadi beberapa hari lalu dan menegaskan ia tiada kaitan politik.

“Bantuan ini ikhlas atas nama kerajaan negeri, Barisan Nasional (BN) Perak dan rakyat negeri ini yang prihatin dengan bencana alam dihadapi negeri jiran. Bantuan ke Perlis pula diberikan selepas saya bertanya kepada ke-

rajaan negeri itu dan mereka hanya mahukan air mineral untuk keperluan mangsa,” katanya.

Bercakap ketika ditemui selepas merasmikan Kolokium Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Perak, di sini semalam, Zambry tidak mahu ada pihak mempertikaikan bantuan kerajaan BN kepada kerajaan di negeri diterajui PAS kerana ia dibuat dengan semangat kemanusiaan.